

Penjawat awam terus jalankan amanah

Oleh Rohaniza Idris - Ogos 16, 2021 @ 4:51pm
roha@bh.com.my



KUALA LUMPUR: CUEPACS memberi jaminan penjawat awam akan terus memberikan perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada rakyat.

Presidennya, Adnan Mat, berkata walau siapa juga kerajaan yang memerintah, adalah menjadi tanggungjawab penjawat awam memberi keutamaan kepada rakyat dan negara terlebih dahulu daripada kepentingan lain.

"Penjawat awam akan terus memberikan perkhidmatan berkualiti dan berkesan untuk rakyat serta negara bersandarkan, taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah.

"Penjawat kerajaan akan kekal bebas, tanpa dipengaruhi sebarang ideologi politik dalam meneruskan khidmat menjaga kesejahteraan negara secara menyeluruh di bawah payung institusi diraja," katanya dalam kenyataan hari ini.

Adnan berkata, perkhidmatan awam adalah tonggak kepada pentadbiran kerajaan dan perlu bertindak secara profesional.

Katanya, penjawat awam perlulah bijak mendepani cabaran dan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko serta sentiasa di lapangan untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas terutama dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.

"Kerajaan datang dan pergi bersilih ganti, perkhidmatan awam tetap kekal setia dalam neutraliti," katanya

CUEPACS katanya berharap kerajaan baharu yang dibentuk dapat terus menjalankan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara. Terdahulu, CUEPACS menzahirkan penghargaan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin dan barisan Jemaah Menteri yang telah memberi khidmat terbaik sepanjang perkhidmatan mereka sejak 1 Mac tahun lalu.

"Jasa dan pengorbanan Muhyiddin serta Jemaah Menteri amat dihargai terutama dalam membela dan memberi khidmat kepada rakyat dan negara.

"Perhatian dan fokus (Tan Sri) Muhyiddin terhadap penjawat awam turut CUEPACS hargai. Komitmen ini diharapkan dapat diteruskan oleh kerajaan baru yang akan dibentuk kelak," katanya.

TERKINI	PILIHAN PEMBACA
9m	Tetap ambil berat soal rakyat walau bukan lagi PM
29m	Guru sumbang telefon pintar, bakul makanan
30m	Tentera Filipina tembak mati 16 anggota komunis
38m	Awan sediakan pengusaha, komuniti hadapi norma baharu
43m	Saya sudah lakukan yang terbaik - Tengku Zafrul
46m	Hampir 50 peratus populasi lengkap dua dos vaksin
46m	Prayut, 5 menteri berdepan undi tidak percaya di Parlimen
57m	Prejudis, sikap negatif mampu runtuhkan sastera

VAKSIN

- NASIONAL**
Ogs 16, 2021 @ 3:49pm
Lebih 19,000 pesakit baharu hari ini
- NASIONAL**
Ogs 16, 2021 @ 12:03pm
Sultan Kelantan mahu pemberian vaksin dipercepatkan
- NASIONAL**
Ogs 16, 2021 @ 10:26am
NASIONAL
Ogs 15, 2021 @ 5:01pm
Vaksinasi: Malaysia atasi Australia, Jepun dan Korea Selatan akhir Julai

TRENDING

- NASIONAL**
10 minit yang lepas
Tetap ambil berat soal rakyat walau bukan lagi PM
- NASIONAL**
sejam yang lepas
Jujur persembah pandangan parti kepada Agong
- NASIONAL**
2 jam yang lepas
Tak pasti tawar diri jadi PM lagi